

## KANDUNGAN LIPUTAN HARIAN BULAN JULAI 2022

BIL.	TARIKH	TAJUK BERITA	MUKA SURAT
1.	15.07.2022	Seleweng Dana PenjanaKerjaya RM100J	2
2.	20.07.2022	Rasuah RM24Juta : CEO Anak Syarikat Bank Direman	3
3.	21.07.2022	Pindah RM24Juta Ke Akaun Luar Negara	4
4.	21.07.2022	Seleweng Dana: PenjanaKerjaya: Tiga Lagi Individu Ditahan	5

Utusan Malaysia | 15 July 2022 | Page 1, 2

# Seleweng dana Penjana Kerjaya RM100j

Oleh MASZUREEN HADZMAN  
utusannews@mediamulia.com.my

**PETALING JAYA:** Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) melancarkan operasi besar-besaran di seluruh negara semalam sehingga membawa kepada penahanan 37 individu yang dipercaya menggunakan platform Program Penjana Kerjaya (Penjana Kerjaya) untuk membuat tuntutan palsu sehingga RM100 juta.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, menurut sumber, mereka yang ditahan terdiri daripada pengarah, pemilik, pengurus dan juruteraturera melibatkan 26 lelaki dan 11 wanita berusia antara 28 hingga 70 tahun daripada 64 buah syarikat berstatus sendirian berhad.

Katanya, SPM turut membezukan akaun bernilai RM7.3 juta milik syarikat berkenaan.

"Modus operandi 64 syarikat berstatus sendirian berhad itu telah dikenal pasti SPRM. Mereka sepatutnya membuat latihan dan menggaji pekerja dalam bidang industri, namun mengambil kesempatan mengemukakan tuntutan-tuntutan palsu dan menyelweng dana program berkenaan.

"Majikan-majikan berkenaan dipercaya mengambil data daripada orang luar atau berpaktat dengan pembekal latihan untuk membuat tuntutan palsu dengan insentif yang ditawarkan itu.

**Bersambung di muka 2**

# Seleweng dana Penjana Kerjaya RM100j

Dari muka 1

"Kebanyakan pekerja yang dikatakan bekerja dengan majikan-majikan berkenaan tidak pernah bekerja pun," katanya di sini, semalam.

Menurut sumber itu lagi, terdapat dua skim penyeleweng yang dilakukan syarikat-syarikat terlibat iaitu pertama dengan membuat tuntutan kononnya membuat latihan kepada pekerja walhal tiada latihan diberikan.

Kata beliau, ada juga syarikat dikenal pasti mengajikan pekerja sedangkan nama yang disenaraikan untuk membuat tuntutan tidak bekerja di syarikat tersebut.

Mengulas lebih lanjut, kata sumber, rentetan daripada itu, satu operasi khas dikenali Op Hire dilancarkan SPRM dengan kerjasama Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) semalam di seluruh negara.

Kata sumber itu, penahanan kesemua suspek dilakukan di semua negeri tidak termasuk di Sabah, Sarawak, Terengganu dan Labuan.

Sementara itu, Pengarah Kanan Bahagian Siasatan SPRM, Datuk Seri Hishamuddin Hashim ketika dihubungi *Utusan Malaysia* mengesahkan mengenai penahanan itu tetapi enggan mengulas lanjut.

Beliau berkata, siasatan akan dijalankan mengikut Seksyen 18 Akta SPRM 2009 dan mana-mana kesalahan di



SEBAHAGIAN daripada 37 individu yang ditahan dalam operasi besar-besaran SPRM berhubung penyeleweng dana Penjana Kerjaya dibawa ke Mahkamah Majistret Shah Alam, Selangor, semalam untuk perintah penahanan reman.

bawah jenayah.

Untuk rekod, Program Penjana Kerjaya merupakan antara inisiatif kerajaan bagi membantu majikan dan pekerja semasa mendepani cabaran Covid-19 bermula awal tahun 2020.

Program ini dilaksanakan oleh Perkeso bagi tujuan merangsang ekonomi negara melalui perwujudan pekerjaan baharu, meningkatkan pekerjaan dan meningkatkan kemahiran pekerja.

SPRM dalam satu kenyataan kelmarin memberitahu, operasi besar-besaran dikendalikan oleh Ibu Pejabat SPRM, Putrajaya bersama-sama SPRM Ne-

geri dijalankan secara serentak.

SPRM dengan kerjasama Perkeso telah membangunkan maklumat menerusi pemanfaatan dan risikan terhadap penerima dana dan mendapat ada majikan-majikan yang mengemukakan tuntutan palsu dan menyeleweng dana ini.

SPRM memandang serius isu berkenaan kerana ia berkepentingan awam sekali gus memberi jaminan akan menyiasat secara menyeluruh bagi memastikan pihak-pihak yang terlibat dikenakan tindakan tegas berlandaskan undang-undang yang berkuatkuasa.

Utusan Malaysia | 20 July 2022 | Page 8

# Rasuah RM24 juta: CEO anak syarikat bank direman

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM  
maisarah.rahim@mediamulia.com.my


**PUTRAJAYA:** Tiga individu termasuk seorang Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) anak syarikat sebuah bank direman bagi membantu siasatan kes menerima rasuah lebih RM24 juta sebagai balasan meluluskan pinjaman sebuah syarikat tempatan berjumlah lebih RM294 juta.

Menurut sumber, suspek wanita berusia 50-an bersama dua lagi suspek lelaki berusia 53 hingga 58 tahun dipercayai ditahan pukul 6 petang di Ibu Pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di sini kelmarin ketika hadir memberi keterangan.

Katanya, suspek wanita dipercayai menerima wang rasuah lebih RM24 juta sekitar tahun 2010.

"Suspek lelaki berusia 53 tahun bekerja sebagai perunding kewangan, manakala rakannya tidak bekerja," kata sumber itu.

Terdahulu, Majistret Mohd. Dinie Shazwan Ab. Shukor me-



DUA daripada tiga individu dibawa ke Mahkamah Majistret Putrajaya semalam untuk permohonan reman bagi kes rasuah. - UTUSAN/FAIZ ALIF ZUBIR

netapkan perintah reman lima hari bermula semalam sehingga 23 Julai terhadap ketiga-tiga suspek di Mahkamah Majistret

di sini.

Sementara itu, Pengarah Bahagian Pengubahan Wang Haram dan Pelucutahan Harta

(AMLA) SPRM, Mohamad Zamri Zainul Abidin ketika dihubungi mengesahkan penahanan reman tersebut.

Utusan Malaysia | 21 July 2022 | Page 12

CEO anak syarikat bank guna akaun proksi sorok kegiatan rasuah

## Pindah RM24 juta ke akaun luar negara

Oleh MASZUREEN HADZMAN  
*maszureen.hadzman@utusanm.com.my*

**PETALING JAYA:** Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) anak syarikat sebuah bank yang direman Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dipercayai menerima wang rasuah lebih RM24 juta dengan memindahkan wang yang diperoleh ke akaunnya di luar negara.

Satu sumber mendudahkan kepada *Utusan Malaysia*, wang berkenaan diperolehnya dari pada sebuah syarikat tersenarai

di Bursa Malaysia yang mana Ahli Lembaga Pengarah ketika itu merupakan salah seorang daripada dua lagi suspek yang ditahan.

Kata sumber, syarikat tempatan itu diambil alih oleh Ahli Lembaga Pengarah berkenaan melalui sebuah syarikat tujuan khas (SPV) iaitu AASB yang dimilikinya.

"Syarikat berkenaan kemudiannya membuat pinjaman berjumlah lebih RM294 juta daripada bank terlibat sebelum wang tersebut kemudian telah dipindahkan daripada syarikat

proksi kepada sebuah syarikat pesisir di luar negara berjumlah RM 24 juta.

"Hasil semakan lanjut mendapati CEO berkenaan merupakan pemilik sebenar syarikat pesisir ini dan merupakan penandatangan yang sah bagi akaun bank milik syarikat pesisir tersebut," katanya di sini semalam.

Terdahulu, tiga individu termasuk seorang CEO anak syarikat sebuah bank direman bagi membantu siasatan kes menerima wang rasuah lebih RM24 juta sebagai balasan meluluskan pinja-

man sebuah syarikat tempatan.

CEO wanita berusia dalam lingkungan 50-an bersama dua lagi suspek lelaki berusia antara 33 hingga 58 tahun dipercayai ditahan kira-kira pukul 6 petang di ibu pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), di sini semalam ketika hadir memberi keterangan.

Siasatan mendapati suspek wanita tersebut dipercayai menerima wang rasuah berjumlah lebih RM24 juta sekitar tahun 2010.

Terdahulu, Majistret Mohd.

Dinie Shazwan Ab Shukor menetapkan perintah reman selama lima hari bermula semalam sehingga 23 Julai terhadap ketiga-tiga suspek di Mahkamah Majistret Putrajaya semalam.

Sementara itu, Pengarah Bahagian Pengubahan Wang Haram dan Pelucutahan Harta (AMLA) SPRM, Mohamad Zamri Zainul Abidin ketika dihubungi mengesahkan penahanan reman tersebut.

Katanya, kes tersebut disiasat mengikut Seksyen 16 (a)(A) Akta SPRM 2009.

Utusan Malaysia | 21 July 2022 | Page 12

## Seleweng dana PenjanaKerjaya: Tiga lagi individu ditahan

**PUTRAJAYA:** Seramai tiga lagi individu termasuk seorang wanita ditahan reman bagi membantu siasatan berhubung isu tuntutan palsu dan penyelewengan dana Program Insentif Pengambilan Pekerja (PenjanaKerjaya) melibatkan nilai keseluruhan kira-kira RM100 juta.

Daripada tiga individu tersebut, seorang suspek iaitu pengarah syarikat ditahan reman empat hari mulai semalam sehingga 22 Julai ini selepas Majistret Mohd. Dinie Shazwan Ab. Shukor membenarkan permohonan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di Mahkamah Majistret Putrajaya.

Di Pahang pula, dua suspek yang juga pengurus syarikat ditahan reman lima hari mulai semalam sehingga 23 Julai selepas Majistret Nor Izzati Zakaria membenarkan permohonan SPMR di Mahkamah Majistret Kuantan hari ini.

Menurut sumber, pengarah syarikat berusia 46 tahun itu ditahan di Ibu pejabat SPRM kira-kira pukul 8.30 malam kelmarin kerana dipercayai mengemukakan Borang Pengesahan Pekerja secara dalam talian yang mengandungi butir matan palsu berjumlah melebihi RM1 juta kepada Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso).

Ia bagi memperoleh peruntukan di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (Penjana) untuk melaksanakan Program



**ANTARA** tiga individu ditahan bagi membantu siasatan berhubung isu tuntutan palsu dan penyelewengan dana PenjanaKerjaya di Mahkamah Majistret, Putrajaya, semalam.

Insentif Pengambilan Pekerja dan Program Latihan sedangkan program itu tidak dilaksanakan sepenuhnya.

Tambah sumber, dua lagi suspek iaitu pengurus syarikat yang masing-masing berusia 46 dan 35 tahun ditahan di Pejabat SPRM Pahang kira-kira pukul 4.30 petang hari sama kerana dipercayai terlibat dengan kesalahan mengemukakan tuntutan palsu kepada Perkeso bagi tujuan sama melibatkan nilai melebihi RM600,000.

Sementara itu, Pengarah Kanan Siasatan SPRM, Datuk Seri

Hishamuddin Hashim mengesahkan penahanan tersebut dan berkata, kes disiasat mengikut Seksyen 18 Akta SPRM 2009.

Katanya, operasi dan siasatan masih diteruskan serta tidak menolak kemungkinan beberapa tangkapannya lagi akan dibuat dalam masa terdekat.

Pada 14 Julai lalu, SPRM menjahan 37 individu di beberapa buah negeri bagi membantu siasatan berkaitan isu tersebut dan tiga lagi individu ditahan di Johor dan Pulau Pinang sehari kemudian bagi membantu siasatan kes yang sama.